

30/07/2002

Orang Melayu perlu buang tongkat secara berperingkat

Ucapan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada majlis makan malam Kelab Harvard Malaysia di Sunway Lagoon Resort Hotel, Kuala Lumpur, malam tadi.

SAYA ingin mengucapkan terima kasih kepada Kelab Harvard Malaysia kerana menjemput saya di sini malam ini untuk berucap mengenai 'Dilema Baru Melayu'.

Melayu adalah antara sebilangan kecil yang bangsanya ditafsirkan mengikut undang-undang. Lantaran itu, Perlembagaan Malaysia menyatakan bahawa Melayu adalah seseorang yang lazimnya bercakap bahasa Melayu, beragama Islam dan mengamalkan adat resam Melayu. Tiada apa-apa yang dinyatakan mengenai budaya khusus orang Melayu. Ini bermakna perubahan dalam budaya tidak menjadikan seseorang Melayu itu menjadi bukan Melayu.

Budaya dibentuk sebahagian besarnya oleh sistem nilai yang diterima walaupun jika tidak diamalkan oleh seseorang atau sesuatu bangsa itu. Pengamatan menunjukkan bahawa budaya seseorang itu menentukan sama ada mereka berjaya atau gagal. Bangsa sebenar atau etnik atau warna kulit atau tempat tinggal yang beriklim sederhana atau tropikal, bukan faktor yang menentukan kemampuan seseorang. Maka, ada orang Eropah yang gagal untuk maju walaupun umumnya masyarakat Eropah disifatkan sebagai masyarakat berjaya dan progresif. Kita tidak harus lupa bahawa pada Zaman Pertengahan, masyarakat Eropah ketinggalan berbanding umat Islam Arab yang membina Tamadun Kegemilangan Islam. Sebaliknya, banyak bangsa Asia yang berjaya pada masa lalu dan juga sekarang sementara yang lain masih ketinggalan dan primitif.

Malah, masyarakat kulit hitam Afrika juga berjaya, contohnya masyarakat Abbysinian, walaupun kebanyakan mereka tidak mampu membuat sebarang kemajuan.

Orang Eropah, Asia, Afrika dan Indian Amerika (Amerindians) semuanya boleh berjaya dan boleh gagal. Oleh itu bukan bangsa atau etnik yang menentukan kejayaan. Ia adalah budayanya. Negara Eropah terhebat pada masa lalu adalah Portugis dan Sepanyol. Hari ini mereka jauh ketinggalan daripada negara Eropah lain. Seperti yang saya katakan bukan bangsa atau etnik tetapi budaya yang menentukan kemampuan sesuatu bangsa atau orang, iaitu sistem nilai yang dipercayai dan dipatuhi mereka pada satu-satu masa.

Apabila saya menulis 'Dilema Melayu' pada hujung 60-an, saya mengandaikan semua orang Melayu kekurangan peluang untuk membangun dan berjaya. Mereka kekurangan peluang untuk mendidik diri mereka sendiri, peluang memperoleh secukupnya untuk bergiat dalam bidang perniagaan, peluang untuk berlatih dalam kemahiran yang diperlukan, memperoleh pembiayaan, lesen dan premis yang diperlukan. Jika peluang ini boleh disediakan buat mereka, maka mereka akan berjaya.

Dan saya berpendapat jalan penyelesaiannya ialah tindakan afirmatif atau diskriminasi positif yang berpihak kepada mereka. Saya diberitahu oleh mereka yang merangka Dasar Ekonomi Baru (pada masa itu saya bukan orang disenangi dan disingkirkan daripada Umno) bahawa mereka menggunakan 'Dilema Melayu' untuk merancang tindakan afirmatif bagi orang Melayu dan Bumiputera lain. Sama ada ia benar atau tidak, itu tidak penting. Tetapi cadangan mereka seolah-olah sama dengan apa yang saya tulis.

Melaksanakan tindakan afirmatif tidak semudah merencangnya. Modal, lesen, permit, premis dan sebagainya disediakan dan kemudian kontrak dan

saham diberikan kepada orang Melayu yang berkehendakkannya. Kerajaan menubuhkan agensi-agensi untuk mewakili orang Melayu merebut peluang hasil tindakan afirmatif daripada DEB. Apabila idea penswastaan diwujudkan, ia secara tidak langsung bagi memberi lebih banyak peluang kepada orang Melayu.

Dalam bidang pendidikan, kuota dan biasiswa diwujudkan bagi menyediakan peluang kepada mereka memperoleh ilmu yang diperlukan dalam semua bidang bagi memastikan kemajuan mereka.

Orang Melayu diandaikan akan merebut peluang-peluang ini. Pada awalnya, memang demikian. Pelajar Melayu yang menerima biasiswa pada peringkat awal itu belajar dengan tekun dan melayakkan mereka, terutama untuk bekerja dalam kerajaan. Tetapi hari ini, sikap mereka berubah. Mendapat biasiswa dan tempat di universiti sama ada di dalam atau luar negara dianggap sebagai hak dan tidak lagi dihargai. Malah, mereka yang menerima peluang pendidikan itu, atas sebab-sebab yang tidak diketahui, seolah-olah membenci pula orang yang mewujudkan peluang itu. Lebih malang lagi, mereka tidak menghargai peluang yang diterima. Mereka lebih berminat kepada perkara lain, khususnya politik, sehingga menjejaskan pelajaran mereka.

Dalam bidang perniagaan, majoriti mereka menganggap peluang yang diberikan itu sebagai sesuatu yang perlu dieksploitasi bagi mendapatkan pulangan segera. Pada peringkat awal, mereka menjual peluang yang diperoleh untuk menjadi rakan kongsi tidak aktif, melalui satu persetujuan yang dipanggil Ali Baba, di mana Ali hanya memperoleh lesen, permit, saham atau kontrak dan segera menjualnya kepada bukan Melayu, terutama Cina. Mereka tidak belajar apa-apa mengenai perniagaan dan menjadi kurang mampu menjalankan perniagaan dan meraih pendapatan daripada kegiatan itu. Mereka hanya menjadi rakan kongsi tidak aktif dan ada ketikanya tidak pun demikian. Setelah menjualnya, mereka tidak lagi mempunyai sebarang kaitan dengan perniagaan itu. Mereka kemudian akan memohon lagi lesen, permit dan saham dan sebagainya daripada kerajaan.

Memang diakui ada orang Melayu yang bersungguh-sungguh dan sesetengahnya berjaya. Tetapi majoritinya tidak menyumbangkan apa-apa kepada sasaran DEB. Kuota 30 peratus yang disasarkan dalam DEB sepatutnya sudah lama dicapai jika semua saham, lesen, kontrak dan sebagainya dimanfaatkan sepenuhnya oleh orang Melayu.

Mengapa perkara ini berlaku? Jawapannya terletak dalam budaya orang Melayu. Mereka malas dan cenderung mengambil jalan mudah. Dan cara paling mudah ialah dengan menjual apa yang mereka dapat dan kemudian memintanya lagi. Inilah budaya mereka. Bekerja keras, mengambil risiko dan bersabar bukan sebahagian budaya mereka.

Harus diingati bahawa pada masa lalu, orang Melayu tidak bersedia untuk bekerja dalam sektor pekerjaan yang diwujudkan oleh penjajah dalam usaha mengeksploitasi sumber negara ini. Disebabkan orang Melayu tidak bersedia untuk bekerja di ladang getah dan lombong bijih, orang Cina dan India dibawa masuk ke negara ini. Pada suatu ketika, bilangan pendatang itu lebih ramai daripada orang Melayu sendiri. Jika jumlah mereka berterusan lebih ramai daripada orang Melayu, nescaya Malaya yang merdeka akan seperti Singapura. Tetapi orang Melayu seolah-olah tidak belajar daripada negara yang hampir mereka hilang pada masa lalu. Hari ini mereka masih tidak mahu bekerja dan pekerja asing sekali lagi membanjiri negara ini. Disebabkan mereka tidak melengkapkan diri dengan pendidikan dan kemahiran yang diperlukan, mereka terpaksa berterusan bergantung kepada orang lain.

Dominasi politik akan melindungi mereka untuk suatu tempoh. Tetapi dominasi itu semakin lenyap dengan pantas kerana mereka bergaduh sesama sendiri dan berpecah-belah kepada kumpulan kecil yang tidak berkesan. Bilangan mereka yang lebih ramai menjadi kurang bermakna hari ini berbanding ketika negara mencapai kemerdekaan. Tetapi mereka masih tidak

berapa sedar atau memilih untuk tidak mengendahkan hakikat ini. Sikap 'tidak apa' mereka melalaikan mereka untuk berasa selamat sedangkan ia tidak berasas.

Orang Melayu bersama Bumiputera lain membentuk 60 peratus penduduk Malaysia. Tetapi dari segi pengaruh politik, ia sekarang semakin berkurangan daripada 60 peratus. Mereka kini lebih bergantung kepada sokongan bukan Melayu, baik parti kerajaan atau pembangkang.

Dari segi ekonomi, tentunya mereka menguasai kurang se separuh daripada 30 peratus yang diperuntukkan kepada mereka. Jika kita menolak sumbangan bukan Melayu kepada ekonomi negara, Malaysia tidak akan lebih baik daripada sesetengah negara membangun di Afrika.

Untuk berjaya, orang Melayu perlu mengubah budaya mereka. Mereka mesti menganggap pekerjaan dengan sendirinya sebagai habuan. Mereka perlu menganggap apa yang mereka peroleh melalui pekerjaan sebagai habuan sebenar. Di sebalik ganjaran kewangan adalah perlu, ia tidak harus mengatasi kepuasan yang diperolehi daripada hasil pekerjaan mereka. Mereka hendaklah memiliki etika kerja sepatutnya yang merangkumi rasa bangga terhadap hasil kerja mereka berbanding hanya habuan kewangan semata-mata.

Bangsa yang berbangga dengan kerja mereka dan hasilnya adalah orang yang paling berjaya. Persoalan mutu tidak secara umumnya difahami oleh orang Melayu. Hasilnya ialah kerja yang kurang bermutu. Tidak ada kebanggaan. Dan tanpanya, tanpa keazaman untuk meningkatkan hasil kerja secara berterusan, tidak akan ada sebarang kemajuan.

Mengubah budaya adalah jauh lebih sukar daripada menukar dasar kerajaan. Adalah mudah untuk mencadangkan tindakan afirmatif tetapi tidak mudah untuk melaksanakannya. Penerimaannya mesti mempunyai sikap yang betul jika mahu mendapatkan hasil yang diharapkan.

Sesudah disedari bahawa menyediakan peluang semata-mata tidak mencukupi, perhatian beralih kepada mengubah sikap. Kursus dan ceramah diberi mengenai nilai dan budaya. Adalah perlu untuk menunjukkan bahaya yang dihadapi oleh orang Melayu. Mereka masih belum terkeluar daripada kebimbangan. Hari ini, mereka boleh bergantung kepada tongkat berupa keistimewaan Melayu untuk melindungi mereka. Bagaimanapun, tongkat sebenarnya hanya melemahkan penggunaannya. Untuk menjadi kuat dan berupaya berdikari, tongkat ini hendaklah dibuang.

Malangnya, mereka berpandangan bahawa tongkat ini adalah simbol status kekuasaan mereka di negara ini. Apa yang menyedihkan ialah mereka tidak pun menggunakan tongkat itu dengan betul. Akibatnya, mereka tidak memperoleh apa-apa atau sedikit saja daripada peluang yang disediakan ini.

Selagi mereka terus bergantung kepada tongkat, mereka akan kekal lemah. Dalam pada itu, mereka memiliki keupayaan untuk memperoleh kekuatan sepatutnya hingga boleh membuang tongkat yang ada. Apa yang diperlukan ialah mengubah tanggapan salah mereka dan menukar budaya mereka. Sekiranya mereka melakukan ini, sekalipun secara berperingkat, mereka akan dapat bangun dan berdiri sama tinggi dengan bangsa lain.

Jadi, apakah 'Dilema Baru Melayu'? Dilema lama mereka ialah sama ada mereka perlu mengubah sedikit gambarannya dalam usaha membantu diri mereka. Dilema baru pula ialah sama ada mereka perlu atau tidak membuang tongkat yang bukan saja sudah biasa mereka gunakan, malah menjadi kebanggaan mereka.

Ada segelintir orang Melayu yang cukup yakin untuk mempertimbangkan membuang tongkat itu, walaupun secara perlahan-lahan. Tetapi mereka hanyalah segelintir. Bilangan mereka tidak akan bertambah dalam masa terdekat ini. Mereka secara umumnya dianggap pengkhianat kepada bangsa Melayu.

Mungkin kerana saya dilatih sebagai seorang doktor perubatan, saya melihat tongkat daripada sudut berbeza. Pernah pada suatu masanya

doktor menjangkakan tongkat perlu digunakan sepanjang hayat. Tetapi kini doktor memastikan pesakit mereka berjalan semula secepat mungkin. Fisioterapi dibangunkan menjadi satu sains dengan matlamat untuk memulihkan orang kurang upaya. Prostesis pula sudah menjadi begitu sempurna sehingga mereka yang tidak mempunyai kaki boleh berjalan sebagaimana biasa dan mereka yang tidak ada tangan boleh mengendalikan benda sama seperti rakan mereka yang lebih bertuah.

Hari ini kita melihat ada manusia yang lahir tanpa tangan boleh melukis dan menulis dengan kaki mereka. Hasil yang mereka dapati sama baiknya dengan mereka yang sempurna semua sifat. Keperluan dan keyakinan kuat membolehkan mereka boleh melakukan ini. Adalah jelas pergantungan kepada bantuan boleh dikurangkan untuk mencapai kelaziman.

Rasa simpati amat menebal di kalangan orang Melayu. Mereka tidak mahu melihat orang cacat mengatasi sendiri kekurangan mereka. Mereka lebih rela bersimpati dengannya secara terbuka dan lantang. 'Kasihani' adalah perkataan yang sering diucapkan. Dan mereka akan membantu golongan kurang upaya dengan melakukan apa saja. Mereka tidak mahu orang cacat mengatasi sendiri kekurangannya. Tentunya mereka tidak menganggap bahawa orang cacat harus memiliki kemahiran yang diperlukan untuk mengharungi hidup. Dengan bersimpati kepada golongan kurang upaya, mereka mahukan golongan ini terus dibantu.

Sudah pasti akan timbul bantahan terhadap tanggapan secara umum ini ke atas orang Melayu. Kita membaca hampir setiap hari mengenai orang buta dan orang Melayu lain yang cacat lulus dengan ijazah universiti atau memandu kereta atau membuat bermacam jenis pekerjaan. Ini tidak membuktikan bahawa tanggapan secara umum yang saya buat adalah salah. Ini semua adalah pengecualian. Ia hanya membuktikan bahawa jika sikap dan budaya baik diamalkan, orang cacat sekalipun boleh berjaya.

Saya sudah melihat kesan daripada sikap terlalu bersimpati dengan orang kurang upaya, termasuk orang tua. Mereka menjadi semakin tidak berupaya dan terlalu bergantung kepada orang lain. Mereka seolah-olah menikmati sepenuhnya rasa simpati ke atas mereka dan mereka tidak akan langsung mampu mengatasi ketidakupayaan mereka. Kebajikan adalah baik. Kita semua perlu menjadi masyarakat yang pemurah. Tetapi kita harus membantu dengan kebajikan kita untuk menjadikan golongan cacat kurang bergantung kepada kebajikan dan simpati.

Ini bukan sikap orang Melayu. Mereka suka melahirkan rasa simpati dan selalunya di hadapan orang yang dikasihani. Ia melemahkan semangat dan menghalang pembangunan sikap positif serta usaha mengatasinya.

Semua orang cacat boleh mencapai peningkatan dan menghampiri keupayaan normal jika memiliki sikap positif dan kesungguhan yang kuat.

Dilema yang dihadapi oleh segelintir yang mahu membina bangsa Melayu yang kuat, memiliki ketahanan dan bebas tanpa tongkat ialah mereka hampir pasti menjadi tidak popular dan hilang keupayaan untuk mempengaruhi perubahan dalam sistem budaya dan nilai yang diperlukan. Keadaannya seolah-oleh mereka tidak harus mencuba walaupun pada sama sama mereka tahu bahawa tanpa perubahan budaya, bangsa Melayu akan tidak akan berjaya.

Tetapi ini bukan satu-satunya dilema yang dihadapi oleh orang Melayu sekarang. Kemunculan parti Islam menyebabkan perjuangan untuk membina ketahanan bangsa Melayu dipesongkan oleh apa yang dikatakan perintah keagamaan yang dicipta Islam politikal.

Orang Melayu sememangnya kuat beribadat tetapi mereka tidak cukup berpengetahuan mengenai Islam untuk membezakan apa yang dituntut oleh agama Islam dan apa yang tidak. Kewarakan amat dihargai oleh orang Melayu tetapi mereka menyamakan sifat warak dengan ketrampilan luaran, dan tidak dengan pengajaran sebenar al-Quran dan hadis Nabi. Persepsi mudah ini mengenai Islam membuka peluang kepada orang yang tidak mengikut ajaran

sebenarnya untuk mengeksploitasi agama bagi matlamat peribadi mereka.

Agama bukan suatu perkara akal waras. Ia satu perkara berkaitan kepercayaan dan keyakinan. Cubaan untuk memperdebatkannya menggunakan akal waras atau logik tidak akan membawa ke mana-mana.

Tetapi jika ia adalah pengajaran agama yang benar, tidak menjadi hal sekiranya ia logik atau tidak. Islam sebagai contohnya mengajar hanya perkara baik, nilai mulia yang boleh menjamin seseorang Muslim menjadi orang baik dan masyarakatnya stabil, terurus baik dan makmur. Asas-asas Islam boleh membantu membina tamadun sihat dan berjaya. Inilah yang berlaku kepada Arab jahiliah yang memeluk Islam 1,400 tahun lalu. Kabilah Arab yang liar, tidak berprinsip dan bersengketa ini bersatu dan membangunkan tamadun Islam yang bertahan selama 1,300 tahun. Tamadun ini hanya runtuh selepas orang Islam menyimpang daripada ajaran Islam sebenar dan kembali kepada cara hidup jahiliah.

Di Malaysia hari ini, kita melihat penyelewengan dalam pengajaran Islam. Dengan menggunakan Islam sebagai nama dan menyalah tafsirnya tanpa malu, ahli politik yang kononnya dari Parti Islam mengambil kesempatan ke atas ketaksuban orang Melayu untuk memerangkap mereka dan menutup minda mereka terhadap apa saja selain daripada apa yang diajarkan oleh ahli politik ini.

Sebagai contoh, adalah biasa bagi masyarakat untuk berterima kasih di atas apa yang mereka dapati. Di Malaysia, pembangunan yang dijana oleh kerajaan yang didominasi oleh Melayu sepatutnya mendapat penghargaan, justeru sokongan daripada orang Melayu sendiri.

Melihatkan keadaan ini, guru agama dalam Parti Islam ini sebenarnya lebih mengajar pengikut mereka, termasuk kanak-kanak tadika, untuk tidak berterima kasih kepada orang yang memberi mereka apa saja. Mereka diajar bahawa dalam Islam, tidak perlu berterima kasih kepada kerajaan yang membantu mereka. Mereka diajar bahawa ini adalah tanggungjawab kerajaan dan mana-mana kerajaan seharusnya melakukan seperti ini. Mereka hanya perlu bersyukur kepada Allah dan bukan berterima kasih kepada kerajaan atas nikmat yang mereka kecapai.

Ini amat bertentangan dengan ajaran Islam tetapi kepercayaan pemimpin politik Islam ini dan tafsiran mereka mengenai Islam bahawa penerima bantuan kerajaan yang berbuat baik kepada mereka.

Sebaliknya, sebarang salah laku ketara oleh orang yang dikatakan ahli politik ini dianggap wajar, dimaafkan atau tidak diendahkan. Lantaran itu, pemimpin mereka boleh berkhawat, atau berkahwin di luar negara, atau memaki-hamun atau mendakwa kononnya Allah juga memaki hamun, malah menunjukkan kemaluan kepada wanita, atau memecah-belahkan masyarakat Melayu dengan mengadakan sembahyang jemaah berasingan, mengancam untuk menceraikan isteri mereka sekiranya isteri mereka menolak sikap tidak berprinsip atau menyokong parti lain, menolak imam berdasarkan pegangan politik melalui pemuluan orang kampung yang tidak menyokong mereka, tetapi pemimpin mereka masih dianggap sebagai orang Islam yang seharusnya diikuti.

Demokrasi ialah mengenai rakyat memilih kerajaan untuk memerintah negara. Rakyat diandaikan akan memilih orang yang baik dan tepat yang boleh membentuk kerajaan yang baik, memberi rakyat keperluan material dan rohani, membangunkan negara dan mempertahankan negara daripada pengaruh asing. Tetapi kadang kala majoriti mungkin tidak mampu memilih dengan bijak kerana mereka sudah dipengaruhi secukupnya.

Di Malaysia kebanyakan orang Melayu membiarkan pemikiran mereka dikawal oleh pengajaran agama yang diselewengkan. Hari ini, ramai orang Melayu di Malaysia tidak benar-benar memahami Islam, sudah dipesongkan oleh serban dan jubah pemimpin parti Islam. Mereka secara taksab mengikut perintah parti ini walaupun ia menyebabkan negara menjadi kucar-kacir angkara

amalan dan nilai yang bertentangan dengan ajaran Islam. Tidak keterlaluan jika dikatakan kebanyakan orang Melayu sudah musnah budaya Melayu dan nilai keislaman mereka. Demikianlah budaya Melayu dan Islam sudah terpesong hinggalah ramai Melayu rela mengundi dan menyokong parti yang menganjurkan dan mengamalkan keganasan, memaki-hamun yang diketuai oleh pemimpin tidak bermoral. Akibatnya daripada penyelewengan ini nanti pastinya pemilihan kerajaan yang tidak baik dan pemberhentian usaha untuk memastikan orang Melayu kekal dengan kuasa politik dan setanding negara maju dari segi ekonomi.

Malaysia begitu komited kepada amalan demokrasi. Kita bukan demokrat liberal tetapi kita mempertahankan elemen terpenting demokrasi - hak untuk memilih kerajaan dengan memberi kemenangan kepada parti yang kita fikir boleh memberi perkhidmatan terbaik kepada kita. Tetapi disebabkan oleh apa yang saya katakan berkenaan dakwah parti yang dikatakan parti Islam, terdapat bahaya besar parti yang salah dipilih untuk membentuk kerajaan. Kita sudah melihat ini terjadi di banyak negara di mana parti yang menjanjikan banyak perkara yang mustahil dipilih oleh pengundi yang mudah diperdaya. Ini boleh berlaku kepada Malaysia. Juga semua kemakmuran, kestabilan dan keharmonian kaum dimusnahkan.

Dilema yang dihadapi orang Melayu dan rakyat Malaysia sama ada kita atas nama demokrasi patut membenarkan negara dimusnahkan atau kita memastikan rakyat tidak dimanipulasi sehingga ke peringkat di mana mereka menggunakan demokrasi untuk memusnahkan demokrasi.

Perlu diingat bahawa kebanyakan negara demokrasi menyedari kemungkinan ini. Banyak yang kononnya demokrasi liberal tidak membenarkan komunis dan penyokong fahaman fascist mengambil bahagian dalam pilihan raya mereka. Mereka melakukan ini kerana mereka percaya jika pihak ini menang pilihan raya demokratik, mereka akan menamatkan demokrasi.

Bolehkah kita mengambil iktibar daripada mereka dan mengundang celaan kerana tidak demokratik?

Itu adalah dilema kedua yang dihadapi negara terutamanya orang Melayu. Bahaya untuk orang Melayu ialah pembangunan mereka dan kekuasaan akan terbantut sehingga mereka tidak akan mendapat tempat selayaknya di negara mereka sendiri. Mereka akan menjadi papa dari segi ekonomi dan politik. Kekuasaan mereka pada masa itu akan lenyap dan mereka akan terpinggir di negara sendiri.

Anda meminta saya bercakap mengenai 'Dilema Baru Melayu'. Seperti yang anda boleh lihat, saya sudah mengenal pasti bukan satu tetapi dua dilema baru orang Melayu. Saya biarkan anda untuk menilai pandangan ini dan berharap dengan mengenal pasti penyakit itu, kita boleh membantu mencari penawarnya. Selamat berjaya.